



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM KALANGAN GURU PANITIA SEKOLAH RENDAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM KALANGAN GURU PANITIA SEKOLAH RENDAH

HAMIDI BIN SHARIFF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (I)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **15 SEPTEMBER 2022**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **HAMIDI BIN SHARIFF, NO. MATRIK M20162002086, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM KALANGAN GURU PANITIA SEKOLAH RENDAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.




Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia :

Saya, **PROFESOR MADYA DR. NORAINI BINTI MOHAMED NOH** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM KALANGAN GURU PANITIA SEKOLAH RENDAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH)

15 SEPTEMBER 2022

Tarikh



Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title : **AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM
KALANGAN GURU PANITIA SEKOLAH RENDAH**

No. Matrik / Matric's No.: **M20162002086**

Saya / I : **HAMIDI BIN SHARIFF**
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD/OPEN ACCES


Tandatangan Pelajar / Signature

Tarikh: 23 September 2022


PROF. MADYA DR. NORAINI MOHAMED NOH
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
JABATAN PENGETAHUAN DAN KERJAYA
PARKER PEMERINTAHAN MANAJERIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah SWT atas limpah kurnia, hidayah, petunjuk dan izinNya sehingga saya berjaya menyiapkan dan melengkapkan disertasi ini. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Noraini binti Mohamed Noh atas curahan segala ilmu, tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, dorongan, seliaan dan bantuan yang sangat bermakna dan bermanfaat kepada saya sepanjang perjalanan untuk menyempurnakan disertasi ini. Segala tunjuk ajar, sumbangan beliau dari segi pandangan, idea dan masa sehingga terhasil laporan kajian ini amat dihargai.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor, guru besar dan guru-guru panitia sekolah daerah Kuala Selangor yang telah memberi kerjasama sepanjang kajian ini dilakukan. Terima kasih dan tahniah kepada rakan seperjuangan di UPSI, Cg. Khairul Bariah, Cg. Nor Fairuz, Cg. Ermaliza, Cg. Mohd Adzam, Cg. Izuandi, Cg. Akmal Hafeez, Cg. Arep, Cg. Suhaila dan arwah Cg. Norhafidah Nordin. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan di Majlis Guru Besar Negeri Selangor

Dikesempatan ini juga diucapkan terima kasih kepada isteri tersayang Puan Ghanimah bt. Johar dan anak-anak yang telah banyak memberi semangat, sokongan dan motivasi. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan guru yang turut bersama mengharungi kegetiran ini sepanjang tempoh pengajian. Tidak lupa juga buat ibu saya Puan Hajah Rabaah bt. Salah yang sentiasa memberi semangat dan memanjat doa untuk anak bertuah ini agar diper mudahkan segala urusan. Akhir sekali ucapan terima kasih juga buat kakak-kakak, adik, warga guru dan kakitangan SK Kampung Idaman, warga guru dan kakitangan SK Bukit Kemuning 2 dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang usaha membantu menyiapkan disertasi ini.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Komuniti Pembelajaran Profesional merujuk kepada sekumpulan guru yang bekerja secara bersama, komited dan berterusan demi merungkai masalah untuk meningkatkan prestasi murid menjadi lebih baik. Kajian ini ingin melihat tahap pengetahuan guru, sokongan pentadbir, efikasi kendiri guru-guru panitia sekolah rendah di daerah Kuala Selangor terhadap amalan komuniti pembelajaran profesional. Kajian dijalankan ke atas 273 orang guru panitia sekolah rendah di Daerah Kuala Selangor dengan menggunakan borang soal selidik melalui kajian tinjauan kuantitatif. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Kajian mendapati bahawa guru-guru sekolah rendah di daerah Kuala Selangor mempunyai tahap pengetahuan, sokongan pentadbir, efikasi guru dan amalan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional yang tinggi. Kajian menunjukkan nilai min yang tinggi bagi pengetahuan guru 3.95 ($SP=0.397$), sokongan pentadbir 4.02 ($SP=0.498$), efikasi guru 3.93 ($SP=0.461$) dan amalan pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional 3.745 ($SP=0.469$). Analisa Korelasi Pearson juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru $r=0.691$, sokongan pentadbir $r=0.648$, efikasi kendiri guru $r=0.770$ dengan amalan komuniti pembelajaran profesional. Implikasi kajian menunjukkan perkembangan pengetahuan, sokongan pentadbir dan efikasi guru terhadap pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional serta terdapat hubungan yang baik antara pengetahuan guru, sokongan pentadbir dan efikasi guru terhadap amalannya. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh para guru dan pentadbir untuk mempertingkatkan kemahiran dan kompetensi guru-guru di sekolah. Pengetahuan guru, sokongan pentadbir dan efikasi kendiri guru yang baik merupakan sokongan kepada amalan pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional di sebuah sekolah.





PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY PRACTICES AMONG THE PRIMARY SCHOOL COMMITTEE TEACHERS

ABSTRACT

Professional Learning Community refers to a group of teachers who work together, committed and continuous to solve problems in order to improve students' performance. This study is to see the level of knowledge among teachers, administrative supporting staff, and self-efficacy of primary school committee teachers in the district of Kuala Selangor and the practice of the professional learning community. The study was conducted on 273 primary school committee teachers in the District of Kuala Selangor by using a questionnaire through a quantitative survey study. The data obtained were analysed using descriptive statistics and inferential statistics. The study found that primary school teachers in the district of Kuala Selangor have a high level of knowledge, administrative supporting staff, teachers' effectiveness and implementation practices of professional learning communities. The study showed a high mean value for teachers' knowledge of 3.95 ($SP = 0.397$), administrator support 4.02 ($SP = 0.498$), teachers' effectiveness 3.93 ($SP = 0.461$) and Professional Learning Community implementation practices 3.745 ($SP = 0.469$). Pearson Correlation Analysis also showed that there was a significant relationship between teachers' knowledge $r = 0.691$, administrator supporting staff $r = 0.648$, teacher self-efficacy $r = 0.770$ with professional learning community practices. Implications of the study showed the development of knowledge, administrator supporting staff and teachers' effectiveness on the implementation of professional learning community and there is a good relationship between teachers' knowledge, administrator supporting staff and teachers' effectiveness on their practice. The results of this study can be used by teachers and administrators to improve the skills and competencies of teachers in schools. Teachers' knowledge, administrative supporting staff and good teachers' self-efficacy are supportive of the implementation practices of Professional Learning Communities in a school.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.2.1 Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)	4
1.2.2 Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional	6
1.2.3 Guru dan Komuniti Pembelajaran Profesional	7
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kerangka Kajian	16





1.8	Kepentingan Kajian	18
1.9	Skop Kajian	19
1.10	Batasan Kajian	21
1.11	Definisi Operasional	22
1.11.1	Pengetahuan	22
1.11.2	Sokongan Pentadbir	23
1.11.3	Efikasi Kendiri Guru	24
1.11.4	Amalan	25
1.11.5	Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)	26
1.11.6	Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	27
1.11.7	Guru Panitia Sekolah Rendah	27
1.12	Kesimpulan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	29
2.2	Komuniti Pembelajaran Profesional	31
2.2.1	Definisi	31
2.2.2	Konsep Komuniti Pembelajaran Profesional	32
2.2.3	Model Komuniti Pembelajaran Profesional	34
2.3	Pengetahuan Komuniti Pembelajaran Profesional	36
2.3.1	Jejak Pembelajaran (<i>Learning Walks</i>)	38
2.3.2	Bimbingan Rakan Sebaya Guru (<i>Peer Coaching</i>)	39
2.3.3	Belajar Menggunakan RPH (<i>Lesson Study</i>)	40
2.3.4	Sesi Perkongsian Guru (<i>Teacher Sharing Sessions</i>)	41





2.4	Sokongan Pentadbir Dalam Pelaksanaan KPP	42
2.5	Amalan Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional	44
2.6	Kesimpulan	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Populasi Kajian	52
3.4	Sampel Kajian	54
3.5	Instrumen Kajian	57
3.5.1	Bahagian A : Maklumat Latar Belakang Guru	58
3.5.2	Bahagian B : Pengetahuan Guru	59
3.5.3	Bahagian C : Sokongan Pentadbir Terhadap KPP	62
3.5.4	Bahagian D : Efikasi Kendiri Guru Terhadap KPP	64
3.5.5	Bahagian E : Amalan KPP Di Sekolah	65
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	67
3.6.1	Kesahan Muka	67
3.6.2	Kesahan Kandungan	68
3.6.3	Kebolehpercayaan Instrumen	68
3.7	Kajian Rintis	69
3.8	Prosedur Kajian	70
3.8.1	Prosedur Sebelum Kajian	71
3.8.2	Prosedur Semasa Kajian Dijalankan	72





3.9	Analisis Data	73
3.9.1	Analisis Statistik Deskriptif	74
3.9.2	Analisis Statistik Inferensi	77
3.10	Kesimpulan	79

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	80
4.2	Maklumat Latar Belakang	81
4.3	Faktor Intrinsik Amalan Pelaksanaan KPP daripada Aspek Pengetahuan Guru, Sokongan Pentadbir, Efikasi Kendiri Guru dan Amalan Pelaksanaan KPP	84
4.3.1	Persoalan Kajian 1. Apakah Tahap Pengetahuan Guru	84
4.3.2	Persoalan Kajian 2. Apakah Tahap Sokongan Pentadbir	88
4.3.3	Persoalan Kajian 3. Apakah Tahap Efikasi Guru	91
4.3.4	Persoalan Kajian 4. Apakah Tahap Amalan KPP	93
4.4	Hubungan Antara Pengetahuan Guru, Sokongan Pentadbir Dan Efikasi Guru Dengan Amalan Pelaksanaan Komuniti Profesional	97
4.4.1	Persoalan Kajian 5. Hubungan Antara Pengetahuan Guru Dengan Amalan KPP	98
4.4.2	Persoalan Kajian 6. Hubungan Antara Sokongan Pentadbir Dengan Amalan KPP	98
4.4.3	Persoalan Kajian 7. Hubungan Antara Efikasi Kendiri Guru Dengan Amalan KPP	100
4.5	Kesimpulan	101



**BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	103
5.2	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional	104
5.3	Tahap Sokongan Pentadbir Terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional	108
5.4	Tahap Efikasi Kendiri Guru Terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional	112
5.5	Tahap Amalan Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Guru Panitia	115
5.6	Hubungan Pengetahuan, Sokongan Pentadbir Dan Efikasi Kendiri Terhadap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional	117
5.7	Kesimpulan Kajian	119
5.8	Implikasi Kajian	120
5.9	Limitasi Kajian	122
5.10	Cadangan Penyelidikan	123
5.11	Rumusan	126
	RUJUKAN	127
	LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Analisa Pelaksanaan 4 Strategi KPP Di Sekolah Rendah Selangor	11
3.1 Bilangan Guru Sekolah Rendah Negeri Selangor	53
3.2 Bilangan Guru Sekolah Rendah di Daerah Kuala Selangor	54
3.3 Kandungan Instrumen Kajian	58
3.4 Tahap Dan Nilai Skor	60
3.5 Instrumen Pengetahuan Guru Terhadap KPP	61
3.6 Instrumen Sokongan Pentadbiran Terhadap Pelaksanaan KPP	62
3.7 Instrumen Efikasi Kendiri Guru Terhadap Pelaksanaan KPP	64
3.8 Instrumen Amalan Pelaksanaan KPP Di Sekolah Rendah	65
3.9 Cronbach Julat Pekali Alpha	69
3.10 Pengujian Statistik Untuk Menjawab Persoalan	74
3.11 Interpretasi Skor Min Tahap Pengetahuan Guru Terhadap KPP	75
3.12 Interpretasi Skor Min Tahap Sokongan Pentadbir Terhadap KPP	76
3.13 Interpretasi Skor Min Tahap Efikasi Kendiri Guru Terhadap KPP	77
3.14 Perbandingan Antara Kekuatan Hubungan dengan Korelasi R	78
4.1 Maklumat Latar Belakang Guru	81
4.2 Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Pengetahuan Guru	85
4.3 Frekuensi Dan Peratusan Aspek Pengetahuan Guru	87
4.4 Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Sokongan Pentadbir	89
4.5 Frekuensi Dan Peratusan Aspek Sokongan Pentadbir	90





4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Efikasi Kendiri Guru	91
4.7	Frekuensi Dan Peratusan Aspek Efikasi Kendiri Guru	92
4.8	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Amalan Pelaksanaan KPP	93
4.9	Frekuensi Dan Peratusan Aspek Amalan Pelaksanaan KPP	95
4.10	Rumusan Frekuensi Dan Peratusan Aspek Amalan Pelaksanaan KPP	96
4.11	Analisa Korelasi Pengetahuan Guru Dan Amalan Pelaksanaan KPP	98
4.12	Analisa Korelasi Sokongan Pentadbir Dan Amalan Pelaksanaan KPP	99
4.13	Analisa Korelasi Efikasi Kendiri Guru Dan Amalan Pelaksanaan KPP	100





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Kajian	17
3.1. Carta Aliran Reka Bentuk Kajian Tinjauan	51



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
EPRD	<i>Education Planning, Research And Development</i>
GMGBM	Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia
IAB	Institut Aminuddin Baki
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPP	Komuniti Pembelajaran Profesional
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
LINUS	Literasi Dan Numerasi
MGBS	Majlis Guru Besar Selangor
MyPPB	Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
NPQEL	<i>National Professional Qualification For Educational Leaders</i>
PBPPP	Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PDPC	Pengajaran Dan Pemudahcaraan
PKSR	Penilaian Kurikulum Sekolah Rendah
PLC	<i>Professional Learning Communities</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PRRM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
RPH	Rancangan Pengajaran Harian





SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
SISP+	<i>School Improvement Specialist Coaches</i>
SIP+	<i>School Improvement Partners Plus</i>
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SPLKPM	Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah rendah





SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian Penulisan
- C Borang Pengesahan Penyerahan Disertasi
- D Pelantikan Panel Pakar Pengesahan Instrumen Kajian
- E Pengesahan Instrumen Kajian
- F Instrumen Soal Selidik





BAB 1

PENGENALAN



Bab 1 ini menerangkan tentang latar belakang kajian iaitu pengenalan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan komuniti pembelajaran profesional yang sedang dilaksanakan secara meluas dalam arena pendidikan negara. Kajian juga menyentuh tentang permasalahan kajian yang berkaitan dengan institusi pendidikan di sekolah rendah. Seterusnya berkaitan dengan objektif kajian, persoalan kajian serta batasan kajian.

Pengenalan berkaitan KPP pula akan menghuraikan hala tuju KPM, definisi KPP dan diikuti dengan model-model KPP dan seterusnya sejauh mana KPP itu bertindak sebagai agen kepada perubahan di sesebuah sekolah rendah. Seterusnya bab ini juga menyentuh tentang beberapa objektif kajian iaitu mengenal pasti tahap





pengetahuan guru-guru yang akan membawa kepada berlakunya amalan pelaksanaan KPP guru-guru di sekolah.

Objektif lain juga akan merujuk kepada sejauh mana sokongan pentadbir atau pemimpin-pemimpin di sekolah yang merupakan pengurus sesebuah organisasi dalam memberikan sokongan kepada warga pendidik di sesebuah sekolah terhadap pelaksanaan KPP itu sendiri. Pengkaji juga turut menyentuh tentang hipotesis kajian samada signifikan atau pun tiada hubungan antara pengetahuan dan amalan KPP serta hubungan sokongan pentadbir dan amalan pelaksanaan KPP di sekolah rendah.

1.2 Latar Belakang



Matlamat Pendidikan negara ialah melahirkan insan yang beriman, berakhhlak mulia, berilmu dan sejahtera. Namun aspek pengetahuan, kemahiran dan kebijaksanaan dalam kurikulum sekolah sering menjadi isu pendidikan yang dibincangkan. Peningkatan prestasi akademik juga semakin menarik perhatian pelbagai pihak pada hari ini. Tidak hairan jika pada hari ini penempatan anak-anak ke sesebuah sekolah diambil kira dan menjadi kriteria utama kepada ibu bapa yang ingin menghantar anak ke sekolah. Sesebuah sekolah yang menunjukkan prestasi akademik yang baik dan menerima pelbagai kecemerlangan dalam bidang-bidang tertentu akan menjadi pilihan kepada ibu bapa.





Pembangunan ekonomi sesebuah negara serta pembangunan modal insan lebih bertumpu kepada sejauh mana sumber pembangunan pendidikan. Untuk menjadi sebuah negara yang bertaraf dunia, pendidikan merupakan prasyarat untuk melonjakkan negara ke persaingan ekonomi global pada abad ke 21. Sehubungan itu,, Program Transformasi Kerajaan meletakkan bidang pendidikan sebagai salah satu aspek utama Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang mana berfokus kepada untuk membolehkan semua pelajar mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti dan boleh menguasai kemahiran yang ada pada tahap yang terbaik.

Matlamat Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pendidikan ialah untuk meningkatkan prestasi murid melalui fokus kepada empat sub bidang iaitu

1. Prasekolah,
2. Literasi dan Numerasi (LINUS),
3. Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan
4. Tawaran Baru (New Deals) kepada Pengetua/Guru Besar.

Kajian dalam bidang keberkesanan sekolah (*school effectiveness*) mendapati bahawa prestasi murid terpengaruh dengan sistem sekolah yang berprestasi tinggi yang didukung oleh dua komponen utama iaitu kualiti guru dan kualiti kepimpinan di sekolah.

Faizal (2013), berdasarkan kepada perkembangan bidang pendidikan di negara-negara maju, pemantapan dan komuniti pembelajaran profesional di kalangan guru-guru merupakan satu inisiatif utama dalam usaha untuk meningkatkan kualiti guru khususnya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Amalan





pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional ini juga dilihat akan mampu mempertingkat profesionalisme guru itu sendiri.

1.2.1 Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)

Hord (1997), Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) merupakan satu usaha untuk guru-guru melakukan satu perubahan dalam pengajaran yang bermatlamat untuk meningkatkan prestasi pengajaran guru dan mempertingkatkan pencapaian murid. KPP juga merujuk kepada kesungguhan guru yang bekerja secara berpasukan dan bergandingan secara berterusan terutama untuk melaksana kajian tindakan demi meningkatkan prestasi murid kepada yang lebih baik.



Mohd Azaini (2015), prinsip asas komuniti pembelajaran profesional berdasarkan kepada tiga idea utama iaitu memastikan budaya kerja guru secara berkolaboratif, berfokus pembelajaran dan pencapaian murid. Melalui tiga prinsip asas tersebut digariskan pula lima elemen kritikal untuk membangunkan KPP iaitu ;

- i. Dialog Reflektif
- ii. Penswastaan Amalan
- iii. Fokus Secara Kolektif Terhadap Pembelajaran Murid
- iv. Kolaborasi
- v. Norma dan Nilai Dikongsi Bersama





Melalui kajian ini pengkaji hanya akan berfokus kepada strategi kedua iaitu penswastaan amalan. Ini kerana berdasarkan keperluan KPM iaitu lebih berfokus kepada perubahan pengajaran guru yang lebih baik dan lebih bermakna. KPM mengharapkan agar guru-guru menjadikan KPP sebagai amalan dan akhirnya menjadi satu budaya di sekolah.

Untuk Penswastaan Amalan menggariskan empat strategi KPP iaitu

- i. Jejak Pembelajaran (*Learning Walks*),
- ii. Bimbingan Rakan Sebaya Guru (*Peer Coaching*)
- iii. Belajar Menggunakan Rancangan Pengajaran Harian (*Lesson Study*)
- iv. Sesi Perkongsian Guru (*Teacher Sharing Sessions*)



Menurut Mohd Azaini (2015), pada tahun 2011, Bahagian Pendidikan Guru tbupsi

(BPG) telah cuba untuk melaksanakan KPP bermula dengan satu strategi sahaja iaitu “*Lesson Study*” kepada 289 panitia mata pelajaran di 289 buah sekolah yang dikategorikan sebagai berprestasi rendah. Hasil pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pengajaran secara kolaboratif dalam komuniti guru telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. KPP kemudian diteruskan pada tahun 2012 kepada 10 panitia mata pelajaran di 107 buah sekolah pula.

Bermula dari kejayaan itu, strategi-strategi KPP yang lain seperti Bimbingan Rakan Sebaya (*Peer Coaching*), Jejak Pembelajaran (*Learning Walk*) dan Sesi Perkongsian Guru (*Sharing Sessions*) mula diperluaskan ke sekolah-sekolah. Bahagian Pendidikan Guru (BPG) mula menerapkan kemahiran KPP secara tidak langsung





kepada semua pelatih-pelatih untuk diaplikasikan apabila ditempatkan ke sekolah kelak.

Oleh yang demikian KPP ini perlu disambut baik oleh semua pihak terutama warga pendidik demi mencapai hasrat dan objektif program yang telah disenaraikan dalam aspirasi pendidikan negara. Pelaksanaan KPP ialah untuk menarik penyertaan seluruh *stakeholder* dan warga pendidik untuk menjayakan NKRA dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025).

1.2.2 Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional

Kementerian Pendidikan Malaysia, melalui mesyuarat Profesional KPM Bil.26/2018 yang bertarikh 13 September 2018, telah meluluskan pelaksanaan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (MyPPB) untuk semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Melalui surat ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan KPP merupakan satu agenda utama KPM dan menjadi satu keperluan kepada warga sekolah terutama pemimpin dan guru-guru di sekolah untuk melaksanakan dan merekodkan pelaksanaannya secara tekal. Pelaksanaan KPP diambil kira sebagai mata kredit melalui perekodan dalam Sistem Pengurusan Latihan (SPLKPM)

Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan adalah usaha untuk melengkapi pembangunan profesionalisme sedia ada dan mentransformasikan amalan pembangunan profesionalisme berterusan bagi meningkatkan kualiti guru dan





pemimpin sekolah. Erti kata lain KPM melalui MyPPB mengharapkan pelaksanaan KPP di peringkat sekolah akan terlaksana dan dilaksanakan secara berterusan.

Tujuan utama KPM meluluskan pelaksanaan KPP ialah untuk memastikan peningkatan kompetensi individu dan kemahiran guru bagi mengekalkan kualiti perkhidmatan guru. Seterusnya guru dan pemimpin bersifat dinamik, fleksibel demi memenuhi keperluan individu murid, organisasi serta mematuhi standard yang digariskan. Selain itu KPP juga bertujuan untuk memastikan guru dan pemimpin sekolah bertanggungjawab untuk menghasilkan modal insan abad ke-21.

Sehubungan dengan surat arahan KPM itu, kajian ini amat penting untuk memastikan kelangsungan pelaksanaan KPP secara berterusan di peringkat akar umbi khususnya di peringkat pelaksana iaitu di sekolah. Selain itu, kita akan melihat sejauh mana pengetahuan guru dan pemimpin sekolah akan membantu usaha mereka untuk menyambut pelaksanaan KPP ini dan seterusnya melaksanakannya secara berterusan di sekolah.

1.2.3 Guru Dan Komuniti Pembelajaran Profesional

Corak dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara konvensional merupakan satu amalan yang biasa digunakan oleh guru-guru selama ini dan aktiviti pengajaran sebegitu sudah tidak relevan dan tidak sesuai untuk diperaktikkan lagi pada masa kini.





Ini kerana murid pada zaman teknologi memerlukan suatu pendekatan dan kaedah pembelajaran abad ke-21 yang lebih menarik dan lebih santai.

Namun begitu, ramai guru-guru yang masih enggan untuk menerima perubahan dan masih mengamalkan pengajaran secara individu. Pengajaran secara individu ialah pengajaran sendirian berdasarkan pengalaman sedia ada dan rutin sepanjang tempoh perkhidmatan. Erti kata lain pengajaran yang tidak menggunakan konsep perkongsian strategi, perkongsian teknik dan perkongsian pendekatan secara kolaboratif bersama rakan-rakan sejawat.

Untuk guru, komuniti pembelajaran profesional ialah merujuk kepada usaha guru-guru yang komited dan bekerja secara kolaboratif bersama rakan-rakan sejawat. Aktiviti ini seharusnya berterusan bagi melaksanakan inkuiri atau kajian tindakan bagi mencapai prestasi yang lebih baik untuk murid-murid mereka (Little, 1993).

Komuniti Pembelajaran Profesional telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru berdasarkan perubahan dalam perkembangan pendidikan. Bagi negara-negara maju pemantapan komuniti pembelajaran profesional di kalangan pendidik dirujuk sebagai satu usaha yang dapat meningkatkan profesionalisme guru (Zulkifli, 2011).





1.3 Permasalahan Kajian

Peranan warga pendidik dalam melaksanakan dasar pendidikan negara secara berkesan untuk melahirkan modal insan berprestasi tinggi merupakan perkara yang tidak dapat disangkal. Masyarakat hari ini memberi harapan yang begitu tinggi kepada para guru untuk mendidik dan meluaskan potensi murid-murid selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Guru mempunyai kompetensi tertentu untuk mengembangkan kemahiran dan pengetahuan murid.

Sehubungan itu, pada tahun 2014, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan satu arahan melalui surat arahan bertarikh 3 Disember 2014.

Rujukan KP(BPG)9094/600/3/5 Jld.5(95) meminta semua guru melaksanakan aktiviti

komuniti pembelajaran profesional di sekolah secara aktif dan mampu membawa perubahan kepada corak pengajaran di dalam kelas.

Melalui surat KPM bertarikh 31 Disember 2018 (KPM.100-1/7/2 Jld.6(24), KPM sekali lagi mengeluarkan garis panduan pelaksanaan mata kredit pembangunan profesionalisme berterusan (MyPPB) kepada semua guru yang jelas meminta guru-guru melaksanakan komuniti pembelajaran dan kemudian merekodkan pelaksanaannya secara atas talian melalui aplikasi SPLKPM. Ini kerana KPM ingin melihat sejauh mana pelaksanaan KPP dilaksanakan di peringkat sekolah. Berdasarkan kepada kejayaan pelaksanaan KPP sebelum ini, melalui Buku Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Anjakan 4: Mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan.





Kajian antarabangsa juga menunjukkan bahawa kualiti guru merupakan faktor berdasarkan sekolah yang paling signifikan dalam menentukan keberhasilan murid. Dalam Gelombang 2 (2016 - 2020), melalui PPPM, KPM amat menggalakkan perkembangan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam kalangan warga sekolah bagi membolehkan guru berkongsi pengalaman mengajar kurikulum baharu, belajar sesama mereka dan saling membimbing antara satu sama lain.

Sehubungan itu sejaoh manakah pelaksanaan KPP itu mampu direalisasikan oleh semua guru di sekolah. Merujuk kepada temu bual pengkaji bersama Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM) merangkap Yang Dipertua Majlis Guru Besar Selangor (MGBS), beliau mengatakan bahawa komuniti pembelajaran profesional ini amat baik jika semua guru di sekolah dapat mempraktikkan dan menjadikannya sebagai satu budaya dan amalan di sekolah. Ini kerana KPP ini mampu mengubah corak penyampaian pengajaran guru kepada yang lebih baik. Namun beliau menyatakan pelaksanaan KPP mungkin tidak seperti yang diharapkan oleh pihak KPM kerana beban tugas guru hari ini yang semakin rencam dan banyak melaksanakan tugas-tugas perkeranian seperti pengisian data dan maklumat murid.

Pelaksanaan KPP mungkin dilakukan oleh guru-guru tetapi tidak mengikut spesifikasi atau garis panduan yang dikehendaki oleh KPM seperti garis panduan yang telah dinyatakan dalam buku Komuniti Pembelajaran Profesional yang dikeluarkan oleh KPM. Buku Panduan Pelaksanaan itu amat baik dan amat membantu, tetapi sedikit





sukar untuk dilaksanakan dengan masalah bidang tugas pelbagai seperti yang dinyatakan seperti di atas.

Merujuk kepada data SPLKPM pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional untuk sepanjang tahun 2019 direkodkan hanya sebanyak 42163 kali pelaksanaan. Ini bermaksud hanya sekitar 10% sahaja jika dibanding dengan jumlah 419,904 orang guru yang ada berkhidmat pada tahun 2019 (Data e-operasi 31 Januari 2019). Jika dibandingkan dengan jumlah bilangan guru sekolah rendah seramai 182,487, ia akan membawa kepada 23% sahaja guru yang melaksanakan dan mendaftarkan pelaksanaan KPP mereka.

Berikut pula merupakan analisa pelaksanaan 4 strategi yang digariskan dalam



Amalan KPP melalui SPLKPM untuk sepanjang tahun 2019 yang lalu. Data melibatkan semua sekolah rendah di negeri Selangor.

Jadual 1.1

Analisa Pelaksanaan 4 Strategi KPP Di Sekolah Rendah Selangor

Strategi KPP	Jumlah Pelaksanaan
Learning Walks	713
Lesson Study	1588
Peer Coaching	2352
Teacher Sharing Sessions	10779
Jumlah Besar	15432

Sumber SPLKPM 2019.



Data bilangan guru sekolah rendah di Selangor seperti 26 Januari 2020 ialah sejumlah 34,931 orang. Merujuk kepada data analisa di atas, peratusan pelaksanaan KPP pada tahun 2019 di Selangor hanyalah sejumlah 43.92% secara keseluruhannya. Ini juga membawa maksud bukan semua guru melaksanakan KPP di sekolah rendah negeri Selangor. Persoalannya adakah benar guru-guru tidak melaksanakan KPP di sekolah terutamanya guru-guru sekolah rendah yang terkenal dengan kreativiti dan motivasi yang tinggi dalam mendidik anak-anak kecil ini?

KPM telah mengeluarkan buku KIT PLC iaitu buku panduan lengkap pelaksanaan KPP kepada semua sekolah. Buku ini bertujuan untuk membantu guru-guru membudayakan amalan komuniti pembelajaran profesional di sekolah sebagai strategi pembangunan kompetensi guru. Melalui kit ini KPM berazam untuk menjadikan KPP ini sebagai satu budaya di kalangan semua guru di semua sekolah terutamanya sekolah rendah.

Matlamat utama KPP lebih bertumpu kepada perkongsian kemahiran dan pengetahuan guru, membina hubungan yang berkualiti, menggerakkan sumber sedia ada di persekitaran, merancang bersama program-program yang berfokus dan berkongsi kepimpinan dalam merealisasikan dasar pendidikan negara untuk membina modal insan iaitu murid-murid yang berkualiti di kemudian hari kelak.

Merujuk kepada Mohd Hafiz (2016), KPP adalah harapan untuk mentransformasikan budaya sekolah. Perubahan ini perlu berlaku bermula dari pemimpin sekolah dan seterusnya kepada peringkat pelaksana iaitu guru-guru. Elemen



penting dalam amalan KPP ialah kolaboratif, membina misi dan visi, nilai dan matlamat. Seterusnya fokus kepada pembelajaran, kepimpinan dan peningkatan prestasi murid dan sekolah.

Namun begitu arahan wajib pelaksanaan KPP daripada pihak atasan, samada dari bahagian-bahagian di KPM, atau dari pihak Jabatan Pelajaran Negeri mahu pun di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah telah membuat guru merasa terbeban dengan penambahan tugas tersebut hingga menjadi punca kepada hilangnya keseronokan dan nikmat dalam menjalankan tugas di sekolah. Ini belum ditambah dengan aktiviti pemantauan oleh nazir sekolah, PPD dan JPN untuk melihat sejauh mana pelaksanaan KPP di sekolah disamping dengan beberapa laporan yang berkaitan dengan KPP yang perlu didokumentasikan dan kemudian perlu dihantar ke PPD, JPN dan KPM.



Selain itu, tidak dinafikan bahawa ada sebahagian guru-guru kekurangan pengetahuan berkaitan KPP. Ini kerana pendedahan berkaitan KPP tidak disalurkan secara terperinci kepada semua guru di sekolah dan seterusnyakekangan masa yang melampau turut menjadi satu halangan kepada kelancaran pelaksanaan KPP di peringkat sekolah.

Oleh itu, menjadi keperluan agar maklumat berkaitan KPP disebarluaskan secara meluas melalui bengkel-bengkel, taklimat dan seminar untuk mengelakkan dari berlakunya keciciran maklumat dan mesej berkaitan KPP dapat disampaikan dengan tepat dan seterusnya dapat menggalakkan kesediaan dan motivasi guru-guru untuk menjalankan dan melaksanakan KPP secara berkesan dan berterusan di sekolah.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti sejauh mana amalan komuniti pembelajaran profesional di sekolah rendah di negeri Selangor ini berlangsung dengan baik dan seperti yang diharapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini kerana KPP merupakan salah satu amalan penambahbaikan dan perlu dilakukan secara berterusan bagi meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah.

Namun sebelum sesuatu amalan itu benar-benar mampu dilakukan, beberapa aspek perlu diambil kira seperti pengetahuan guru-guru, sokongan pentadbir sekolah dan seterusnya sejauh mana efikasi kendiri guru untuk melaksanakan Komuniti Pembelajaran Profesional di sekolah.



Oleh yang demikian objektif kajian ini ialah untuk

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru terhadap komuniti pembelajaran profesional.
2. Mengenal pasti tahap sokongan pentadbir terhadap komuniti pembelajaran profesional.
3. Mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru panitia terhadap amalan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional.
4. Mengenal pasti tahap amalan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru.
5. Menentukan hubungan pengetahuan, sokongan pentadbir dan efikasi kendiri terhadap amalan komuniti pembelajaran profesional.





1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian disenaraikan untuk menyokong kepada objektif kajian. Persoalan ingin melihat sejauh mana pengetahuan guru, sejauh mana sokongan pentadbir dan sejauh mana efikasi kendiri guru berkaitan KPP dan pelaksanaannya di sekolah. Persoalan ini juga merupakan garis panduan dalam menentukan soal selidik yang bakal diajukan kepada sampel atau responden.

Berikut merupakan persoalan kajian yang dikemukakan.

1. Apakah tahap pengetahuan guru terhadap komuniti pembelajaran profesional?
2. Apakah tahap sokongan pentadbir terhadap pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional?
3. Apakah tahap efikasi kendiri guru panitia terhadap usaha amalan komuniti pembelajaran profesional?
4. Apakah tahap amalan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru panitia?
5. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan guru dengan amalan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional?
6. Adakah terdapat hubungan antara sokongan pentadbir dengan amalan komuniti pembelajaran profesional?
7. Adakah terdapat hubungan antara efikasi kendiri dengan amalan komuniti pembelajaran profesional?





1.6 Hipotesis Kajian

Mohd Faiz (2016), menyatakan amalan perkongsian yang memerlukan perkembangan idea, kemahiran dan pengalaman akan mampu meningkatkan pengetahuan guru terutama pengetahuan pedagogi guru. Justeru itu pelaksanaan KPP boleh dilakukan secara berterusan. Beliau juga membuat rumusan bahawa pemimpin sekolah merupakan tunggak kepada amalan KPP melalui sokongan yang diberikan.

Sehubungan itu kajian ini bertujuan untuk menguji beberapa hipotesis yang berkaitan.

1. H_a - Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan amalan komuniti pembelajaran profesional.
2. H_a - Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan pentadbir dengan amalan komuniti pembelajaran profesional.
3. H_a - Terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri guru dengan amalan komuniti pembelajaran profesional.

1.7 Kerangka Kajian


Kerangka kajian ini berdasarkan model komuniti pembelajaran profesional (KPP) yang telah dibangunkan oleh DuFour dan Eaker pada tahun 1998. Model tersebut dijadikan kerangka kajian disebabkan model tersebut merupakan asas kepada kajian berkaitan peranan pentadbir dan komuniti pembelajaran profesional. Kerangka kajian ini



merupakan kerangka kerja guru-guru sekolah rendah yang melakukan anjakan daripada budaya guru yang bekerja secara menyendiri kepada budaya kerja kolaboratif (Eaker, DuFour & DuFour, 2002).

Justeru, model KPP ini terdiri daripada empat aspek utama sahaja. Dimensi pengetahuan guru, sokongan pentadbir, efikasi kendiri guru dan juga amalan pelaksanaan KPP. Pengkaji percaya bahawa setiap sekolah mempunyai keunikan dan keistimewaan mereka yang tersendiri. Setiap sekolah akan menunjukkan pelbagai cara dan kaedah untuk menambah baik prestasi sekolah mereka masing-masing khususnya pelaksanaan KPP. Pada dasarnya, pelaksanaan dan amalan itu berlaku disebabkan desakan daripada dalam organisasi sekolah itu sendiri (Barth, 1990) dan bukannya arahan daripada pihak luar.

Oleh itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana pengetahuan guru, sokongan pentadbir dan efikasi kendiri guru dalam melaksanakan KPP akan mempengaruhi amalan pelaksanaan KPP. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan kerangka kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji.



Rajah 1.1. Kerangka Kajian



1.8 Kepentingan Kajian

Pendidikan negara amat memerlukan iklim pendidikan yang berkualiti untuk berdiri sama tinggi dalam arena pendidikan Dunia. Pentadbir sekolah dan warga pendidik sangat perlu untuk berubah. Transformasi itu perlu berlaku secara sukarela dan menjadikan Komuniti Pembelajaran Profesional ini sebagai satu amalan yang boleh dibanggakan dan dicontohi oleh warga pendidikan secara keseluruhannya. Pelaksanaan dan amalan KPP yang baik pastinya akan meningkatkan prestasi murid dan sekolah tersebut.

Hasil dapatan kajian ini dijangka dapat memberikan sumbangan dalam menjadikan KPP sebagai salah satu agenda penting dalam amalan dan budaya sesebuah organisasi khususnya di sekolah. Berdasarkan kepada kerangka kajian yang dipaparkan di atas, kerangka kajian agak mudah dan ringkas, namun ianya diharapkan akan memberikan impak dan sokongan kepada hasil kajian ini.

Melalui kajian ini juga diharapkan mampu memberikan penambahbaikan dalam pelaksanaan KPP dan seterusnya mampu diaplikasikan oleh guru-guru dan warga sekolah dengan baik atau sebaliknya. Merujuk kepada buku Komuniti Pembelajaran Profesional Strategi 2, Amalan Penswastaan terbitan Bahagian Pendidikan Guru (BPG), mengharapkan guru-guru dapat melaksanakan KPP dengan baik dan berkesan. Sehubungan itu, diharapkan guru-guru dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan KPP, elemen-elemen yang ada dan strategi-strategi yang ada dalam KPP dan seterusnya melaksanakannya sekerap yang mungkin untuk





menjadikan perkongsian, perbincangan dan refleksi pengajaran antara guru-guru di sekolah dapat dijadikan budaya di sekolah.

Seterusnya, keputusan kajian ini akan membawa kepada perubahan strategi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan pelaksanaannya mengikut keperluan yang dicadangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Dari sudut praktikal pula, pihak sekolah juga dapat merangka strategi baru dengan lebih teliti hasil daripada kajian ini. Dengan gambaran yang lebih jelas mengenai persekitaran kerja di sekolah rendah ini, pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah dapat memahami kehendak guru-guru yang berkhidmat sekaligus membolehkan pihak pengurusan di peringkat atasan sedia maklum tentang status dan perkembangan guru-guru dan pencapaian murid di sekolah.



Tumpuan amalan KPP berdasarkan pengetahuan dan sokongan pentadbir akan membantu guru-guru meningkatkan tahap komitmen pengajaran dan amalan KPP di kalangan mereka. Oleh yang demikian, diharapkan sesebuah sekolah akan lebih berjaya dan cemerlang kerana mempunyai guru-guru yang komited iaitu taat dan setia kepada pentadbir dan organisasi, bertanggungjawab, berproduktiviti serta bermotivasi dan seterusnya menjadikan KPP sebagai satu amalan yang berterusan.





1.9 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya melibatkan guru-guru panitia mata pelajaran teras di sekolah rendah yang berada di dalam pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Melalui pemilihan rawak mudah juga Daerah Kuala Selangor telah terpilih sebagai daerah untuk melaksanakan kajian. Kajian ini ingin melihat sejauh mana pengetahuan guru-guru panitia ini terhadap KPP, sokongan pentadbir terhadap amalan KPP dan efikasi kendiri guru untuk melaksanakan KPP di sekolah masing-masing. Guru Panitia merupakan Ketua Panitia subjek teras empat mata pelajaran iaitu Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Terdapat 12 panitia mata pelajaran yang ada di sebuah sekolah, namun panitia yang lain merupakan mata pelajaran elektif dan tidak diuji dalam peperiksaan utama di peringkat pusat. Peperiksaan UPSR hanya berfokus kepada subjek teras sahaja dan analisa pencapaian murid lebih berfokus kepada subjek teras sahaja sebagai kayu pengukur turun naik prestasi. Iaitu prestasi murid dan juga prestasi keberkesanan pengajaran guru. Oleh yang demikian kajian ini lebih memberi tumpuan kepada ketua panitia dan setiausaha panitia mata pelajaran teras sahaja kerana ketua panitia merupakan penggerak kepada segala aktiviti dan pelaksanaan sesuatu mata pelajaran di peringkat sekolah.

Sehubungan itu, pengkaji akan menjadikan ketua panitia dan setiausaha panitia sebagai sampel kajian serta satu panitia elektif yang lain untuk menjadi sampel





mewakili mata pelajaran yang lain. Rawak mudah akan digunakan untuk memilih satu lagi panitia selain panitia mata pelajaran teras yang empat di atas.

1.10 Batasan Kajian

Kajian terhadap amalan KPP ini hanya dihadkan kepada persekitaran sekolah rendah di Kuala Selangor sahaja. Selepas proses pemilihan daerah melalui rawak mudah, daerah Kuala Selangor telah terpilih sebagai daerah yang ingin dikaji. Sekolah rendah di daerah Kuala Selangor ini hanya ada 71 buah sekolah sahaja yang terdiri dari Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil



setiap sekolah iaitu empat orang guru panitia mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains sahaja. Seterusnya seorang responden lagi diambil dari mana-mana panitia mata pelajaran elektif sebagai mewakili mata pelajaran elektif. Melalui pemilihan rawak mudah, panitia pendidikan Islam telah dipilih untuk menjadi sampel. Untuk di sekolah jenis kebangsaan, subjek sejarah merupakan sampel yang terpilih. Sehubungan itu hanya seramai 273 orang responden telah menjawab soal selidik kajian ini.

Kajian ini tidak melibatkan guru-guru akademik biasa. Ini kerana bilangan guru akademik biasa di daerah Kuala Selangor agak ramai dengan jumlah guru keseluruhannya ialah sekitar 2343 orang. Kajian ini juga tidak melibatkan guru-guru di





sekolah menengah dan juga tidak melibatkan pentadbir sekolah, pegawai atau kakitangan PPD Kuala Selangor.

1.11 Definisi Operasional

Pengkaji memberi tumpuan kepada mendefinisikan KPP secara ringkas dan aspek-aspek yang ingin dikaji seperti pengetahuan guru, sokongan pentadbir, efikasi kendiri guru dan juga aspek amalan berterusan guru dalam melaksanakan KPP.

Hord (1997), mendefinisikan KPP sebagai sebuah institusi sekolah yang mana secara profesional (pentadbiran dan guru) yang terus mencari dan berkongsi pengetahuan untuk meningkatkan keberkesanan mereka untuk murid-murid dan mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari. Ini bermakna guru-guru berkongsi pandangan dan pendapat, berbincang tentang amalan pengajaran mereka di dalam kelas dan seterusnya mampu untuk meningkatkan prestasi murid-murid mereka.

1.11.1 Pengetahuan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ‘pengetahuan’ bermaksud perihal mengetahui tentang sesuatu perkara. Pengetahuan adalah sesuatu yang diketahui dan dipelajari. Pengetahuan saintifik yang diperolehi daripada pembelajaran konsep dan fakta boleh digunakan dalam kehidupan seharian. Melalui kajian ini penyelidik ingin





mengetahui tahap pengetahuan guru berkaitan komuniti pembelajaran profesional dan seterusnya melaksanakan KPP di sekolah. Pengetahuan dan ilmu berkaitan KPP yang baik akan membawa kepada pelaksanaan KPP dalam keadaan yang terbaik dan berterusan.

Model KAP merujuk kepada pengetahuan, sikap, amalan dan tingkah laku. Pertambahan pengetahuan pada seseorang akan mendorong kepada perubahan sikap seseorang. Kajian ini akan memberikan tumpukan kepada pengetahuan guru untuk melaksanakan KPP.

1.11.2 Sokongan Pentadbir



Merujuk kepada Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRRM), Dewan Bahasa dan Pustaka, “sokongan” bermaksud hasil menyokong dan apa-apa yang diberikan sebagai bantuan. Manakala maksud “pentadbir” ialah orang yang mentadbir atau yang mentadbirkan, contohnya mentadbir sesebuah organisasi. Dalam konteks kajian ini sokongan pentadbir bermaksud pentadbir di sekolah memberikan galakan, motivasi dan bantuan kepada guru-guru untuk melaksanakan KPP di sekolah. Pentadbir mengambil berat terhadap pelaksanaan KPP oleh guru-guru di sekolahnya tanpa memaksa. Sokongan dari pentadbir akan mewujudkan keseronokan dalam pelaksanaan KPP oleh guru-guru di sekolah.





Menurut Puspanathan & Mahaliza (2020), mungkin ada segelintir guru yang tidak berkolaborasi bersama kerana disebabkan oleh faktor masa dan juga tiada kemudahan di sekolah untuk mengaplikasikan KPP. Justeru itu pentadbir perlu menyediakan peluang, masa dan kemudahan untuk guru-guru belajar dalam komuniti sekolah bagi kebaikan bersama. Pembelajaran secara kolektif adalah satu usaha yang harus diberi fokus dan guru-guru perlu melibatkan diri dalam Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) agar dapat meningkatkan pencapaian sekolah.

1.11.3 Efikasi Kendiri Guru

Menurut Seymour (2017), seorang guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi



05-4506832 dalam diri maka individu tersebut mampu menyahut apa jua cabaran yang diberikan. tbupsi

Efikasi kendiri juga ditakrifkan sebagai motivasi terhadap keyakinan diri, kemampuan serta asas kepada kecekapan dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang dan Efikasi kendiri juga merupakan kepercayaan seseorang terhadap kebolehannya dalam melaksanakan sesuatu tugas dengan jayanya (Bandura, 1977). Manakala Tschanne-Moran dan Hoy (2001), telah memberikan maksud yang berfokus kepada guru iaitu efikasi kendiri merupakan keyakinan seorang guru mengenai kebolehan seorang guru dalam pengajaran dan mampu memberikan motivasi kepada murid-murid tanpa mengira latar belakang dan kebolehan murid tersebut. Untuk kajian ini efikasi kendiri guru terdiri dari strategi pengajaran, penyertaan murid dan pengurusan kelas.





Efikasi boleh dikategori kepada dua iaitu efikasi kendiri rendah dan efikasi kendiri tinggi. Guru-guru yang mempunyai efikasi kendiri yang rendah pasti kurang keyakinan diri dan kurang memberikan perhatian kepada pencapaian prestasi murid. Manakala guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang tinggi untuk mengenal pasti keperluan murid dari segi pembelajaran dan juga untuk memotivasi murid-muridnya. Efikasi kendiri guru yang tinggi dijangka akan mampu meningkatkan minat dan aktiviti pembelajaran murid di sekolah. Namun begitu sehingga kini, kajian empirikal sedia ada masih belum memberikan bukti yang konsisten untuk membuktikan peranan KPP terhadap perubahan efikasi kendiri guru (Victor, Zuraidah, & Banu, 2021).



1.11.4 Amalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), Amalan bermaksud sesuatu perkara atau perbuatan yang baik dan perbuatan baik yang sentiasa dilakukan. Pengkaji menitik beratkan pengertian amalan sebagai guru melaksanakan KPP di sekolah secara kerap dan berterusan. Pelaksanaan KPP dilakukan secara sukarela bersama dengan rakan-rakan di sekolah tanpa sebarang paksaan oleh pentadbir dan pihak atasan. Pelaksanaan KPP juga tidak mengharapkan ganjaran dari mana-mana pihak terutamanya dari pihak pentadbir sekolah.

Amalan atau tingkah laku yang berterusan berdasarkan tahap pengetahuan yang diperolehi oleh seorang guru. Menurut Nor Kalsum (2016), amalan merupakan cara





seseorang individu menunjukkan tahap pengetahuan yang dimiliki melalui tindakan yang berterusan. Amalan KPP ini dapat membentuk komuniti sekolah yang menjalinkan hubungan yang baik dengan persekitaran sama ada dalaman mahupun luaran bagi menyelesaikan permasalahan murid dan mewujudkan sekolah berkesan (Nafsiah, Zuraidah, Abdul & Salwati, 2018).

1.11.5 Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)

Zuraidah (2010), menghuraikan KPP sebagai sebuah komuniti yang mempunyai budaya mencari ilmu yang tersendiri. Guru-guru secara bersama dan murid-muridnya juga belajar bersama. Komuniti di sekolah itu berkumpul bersama-sama untuk belajar, saling mengambil berat dan sentiasa berkolaborasi antara satu sama lain. KPP adalah berkaitan dengan pembinaan budaya belajar dan sentiasa belajar secara berterusan agar dapat membangun seiring dengan perubahan semasa.

Merujuk kepada para pendidikan yang komited dan bekerja secara kolaboratif dan dilakukan secara berterusan serta membuat beberapa inkuiri penemuan atau kajian tindakan dalam memastikan pencapaian prestasi murid mereka yang lebih baik (Wan Fadurrahman, 2016). KPP boleh dianggap sebagai satu mekanisme untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan profesionalisme guru-guru di sekolah (Victor Jibson, 2018).





1.11.6 Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional

Komuniti pembelajaran profesional merujuk kepada amalan kolaboratif dalam kalangan pendidik dan pemimpin sekolah yang komited secara bersama-sama menetapkan matlamat dan membina wawasan secara kolektif untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Kerjasama ini menggalakkan rasa kesepuhaan nilai, matlamat, visi dan misi, kejelekitan dan memberikan peluang kepada guru dan pemimpin sekolah untuk melibatkan diri dalam meningkatkan pembelajaran mereka sendiri. Hasilnya pembangunan profesionalisme dapat ditingkatkan secara berterusan sepanjang kerjaya (KPM, 2014).

Manakala Bahagian Pendidikan Guru (BPG) pula menterjemahkan guru dibimbing untuk melaksanakan KPP agar menjadi amalan terbaik dan berkesan dan melalui perbincangan dan sesi refleksi. Ini dinyatakan oleh Pengarah BPG melalui buku Komuniti Pembelajaran Profesional yang telah diterbitkan sebelum ini.

1.11.7 Guru Panitia Sekolah Rendah

Panitia mata pelajaran di sekolah rendah diwujudkan untuk membantu pentadbir merancang program kecemerlangan merujuk kepada satu-satu mata pelajaran khusus di sesebuah sekolah. Selain itu, panitia juga diwujudkan untuk membantu pihak sekolah melaksanakan kurikulum dengan sokongan sistem Panitia Mata Pelajaran yang efektif. Panitia mata pelajaran diwujudkan melalui satu surat pekeliling ikhtisas (KP





(BS)8591/Jld.II/(44), 13 HB Mac 1986) telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan bagi menjelaskan dengan lanjut fungsi dan peranan panitia mata pelajaran di sekolah.

Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan panitia-panitia yang diwujudkan di sekolah akan dapat berfungsi atas landasan yang kukuh dan menjayakan pelaksanaan kurikulum dengan sempurna di sekolah. Panitia mata pelajaran diwujudkan mengikut kepada bilangan mata pelajaran yang ada di sebuah sekolah.

1.12 Kesimpulan

Bab ini untuk mengurai dan menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan tentang maklumat asas dan hala tuju kajian ini. Objektif kajian ini pula menjadi panduan kepada persoalan kajian dan matlamat kajian yang hendak dicapai di akhir kajian iaitu mengkaji sejauh mana hubungan antara pengetahuan guru terhadap amalan KPP dan begitu juga hubungan antara sokongan pentadbir dengan amalan pelaksanaan KPP itu sendiri.

Manakala skop dan batasan kajian ditentukan bagi memastikan dapatan kajian ini memberi sumbangan dalam meningkatkan prestasi guru dan seterusnya membawa kepada peningkatan prestasi murid-murid di daerah Kuala Selangor. Penghuraian terperinci berkaitan KPP diharapkan dapat digunakan dalam kajian ini untuk memberi makna dan penjelasan yang lebih mudah difahami untuk pelaksanaannya di sekolah.

